

17 Julai, 1981

Anugerah Tun untuk Hussein kerana jasanya pada negara

KUALA LUMPUR 16 Julai — Bekas Perdana Menteri Malaysia kini bergelar Tun Hussein Onn selepas dianugerahkan darjah Sri Maharaja Mangku Negara, SMN, oleh Yang di-Per-tuan Agong di Istana Negara di sini hari ini.

Gelaran itu yang tertinggi di negara ini diberikan kepada Tun Hussein atas penghargaan akan jasa dan khidmatnya kepada tanahair.

Seri Paduka mengurniakan darjah itu dalam satu istiadat ringkas sejurus selepas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah jawatan sebagai pengganti Tun Hussein dalam satu istiadat berasingan.

Raja Permaisuri Agong, Toh Puan Suhailah, Datuk Sri Dr. Mahathir, Datin Sri Dr.

Siti Hasmah hadir sama dalam istiadat pengurniaan darjah itu.

Para menteri kabinet, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohamed Ghazali Datuk Seth dan lain-lain pegawai kanan yang menghadiri istiadat pertama juga hadir di istiadat pengurniaan gelaran itu.

Kemudian di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita pengurniaan gelaran Tun kepada bekas Perdana Menteri adalah tanda penghargaan negara ke atas khidmatnya selama beberapa tahun kepada Malaysia. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia 17 Julai, 1981



Selamat bertugas pada Dr. M

TUN, Hussein Onn sedang mengucapkan selamat bertugas sebagai Menteri Malaysia yang keempat sambil menyerahkan biliknyanya kepada beliau, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, dalam satu upacara handing over Perdana Menteri di Kuala Lumpur semalam.